

Dewan Sastera

ديوان سسترا

JendelaDBP f Dewan Sastera o dewansastera #MalaysiaMembaca

Peneroka Sastera Mutakhir



Karyawan Bulan Ini

Victor A. Pogadaev

Esei

Kata-kata Masih Berkuasa di Jaipur


Puisi

Pantai Hanya Memerhati

Cerpen

Negara Generasi Tua

LANGGAN MAJALAH DEWAN SASTERA



32

Halaman Lembaran Mastera



Bil. 04/2026

KK 800-90456-0426
ISSN 0126-5059



LEMBAH BAHARU PENTERJEMAHAN

Semenanjung Malaysia : RM10.00 | Sabah/Sarawak : RM10.50 | Brunei : B\$10.50 | Singapura : S\$10.50



DBP



Victor A. Pogadaev

VICTOR A. POGADAEV (Dr.) atau Victor Pogadaev dilahirkan pada 20 November 1946. Beliau dikenali sebagai seorang sarjana Rusia yang ahli dalam sejarah dan budaya Asia Tenggara. Nama sebenarnya ialah Victor Alexandrovich Pogadaev (Виктор Александрович Погадаев). Pada tahun 1964, beliau tamat sekolah menengah di Sakmara, Orenburg, Rusia dengan dianugerahi Pingat Emas. Beliau kemudian bekerja sebagai guru Bahasa Jerman di Sekolah 8 Tahun Krasny Kommunar dan seterusnya menyambung pelajaran tingginya di Jabatan Pengajian Indonesia, Institut Bahasa-bahasa Timur (kini Institut Pengajian Asia dan Afrika), Universiti Negara Moscow (1965 – 1970). Pada tahun 1975, beliau lulus pengajian siswazah (PhD) di Institut Negara-Negara Asia dan Afrika, Universiti Negara Moscow.


Pada tahun 1976 – 1982, Victor bekerja sebagai pegawai Kedutaan Soviet di Jakarta (setiausaha ketiga), dan pada tahun 1986 – 1989 sebagai pegawai Kedutaan Soviet di Kuala Lumpur (setiausaha kedua). Pada tahun 1996 – 2001, beliau menjadi pensyarah Bahasa Indonesia di Institut Negara-Negara Asia dan Afrika, Universiti Negara Moscow. Pada tahun 2001 – 2016, beliau bertugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya sehingga mencapai Profesor Madya. Sekembalinya ke Moscow, beliau mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia di Institut Hubungan Antarabangsa (MGIMO), Akademi Diplomasi Kementerian Luar Rusia serta Universiti Ketenteraan Kementerian Pertahanan Rusia.

Selain berjaya menerbitkan lebih 200 buah buku, makalah ilmiah dan rencana tentang bahasa, sejarah, sastera, dan kebudayaan Malaysia dan Indonesia, beliau juga sangat aktif dalam bidang penterjemahan dan penyusunan kamus. Beliau juga

banyak menterjemahkan (selain memperkenalkan) pelbagai pengarang dari Malaysia dan Indonesia kepada pembaca Rusia, selain turut menterjemahkan beberapa karya sastera klasik Rusia ke dalam bahasa Melayu, termasuk *Haji Murat* (DBP, 2001), *Taras Bulba* (DBP, 2023), *Wira Zaman Kita* (DBP, 2023), kumpulan cerpen *Perempuan dengan Anjing* (DBP, 2025), dan *Kisah-kisah Mendiang Ivan Petrovich Belkin* (Biblio Press, 2026).

Usaha sulung beliau dalam terjemahan bahasa Melayu ialah tiga puisi terjemahan Mikhail Matusovsky dalam *Dewan Sastera* Jun 1971. Beliau kemudian berjaya menyusun dan menyelenggarakan beberapa antologi puisi ataupun cerpen penulis Malaysia dan Indonesia ke dalam bahasa Rusia, juga beberapa karya puisi dan cerpen Rusia ke dalam bahasa Melayu. Antara usaha besar beliau dalam penterjemahan Melayu-Rusia termasuklah menterjemahkan *Naratif Ogonshoto* ke dalam bahasa Rusia pada tahun 2006.

Victor Pogadaev pernah menerima Hadiah Tokoh Antarabangsa Numera Malaysia 2013, Pingat Peringatan Kementerian Kebudayaan Persekutuan Rusia 2021, Pingat Tokoh Budaya daripada Tabung Kebudayaan Eurasia Republik Kazakhstan 2022, dan Anugerah Perkhidmatan dalam Sastera daripada Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) 2023. Beliau juga pernah menyertai Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur tahun 1992 – 2002, International Poetry Festival 2009 di Medan, Indonesia, Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor III (2012), Temu Sasterawan Numera 2012 di Padang, Indonesia, Baca Puisi Dunia Numera 2012, dan lebih daripada 60 persidangan ilmiah di Rusia, Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia, Thailand, dan India. ■



Bagaimana Saya Menjadi Seorang Penterjemah

MUNGKIN ANDA TIDAK AKAN MEMPERCAYAINYA, tetapi saya melakukan terjemahan puisi pertama semasa saya masih belajar di sekolah menengah. Terjemahan itu merupakan terjemahan puisi “Pokok Linden” (“Der Lindenbaum”) oleh penyair Jerman Wilhelm Müller, yang termasuk dalam buku teks Bahasa Jerman untuk sekolah pada masa itu. Hanya baris pembukaan yang masih terpahat dalam ingatan saya:

*Dekat perigi di tepi pintu pagar
Sebatang pokok linden tua tumbuh.
Sejak kecil, saya datang kepadanya
Seolah-olah kepada ibu ...*

Figura yang menggalakkan saya untuk melakukan terjemahan itu ialah guru Bahasa Jerman saya, Galina Podkopaeva. Beliau datang ke kampung Sakmara, kampung halaman saya, selepas tamat pengajian dari Institut Pendidikan dan segera mengubah pelajaran Bahasa Jerman yang sebelumnya membosankan menjadi aktiviti yang menarik. Kami dengan penuh semangat mempelajari lagu-lagu Jerman bersama-sama, menganjurkan Malam Bahasa Jerman dan menterjemah puisi daripada bahasa Jerman. Saya masih ingat beberapa lagu, dan apabila saya melawat

Switzerland, tempat anak perempuan sulung saya Nastya tinggal sekarang, saya memukau rakan-rakan tempatannya dengan persembahan lagu-lagu itu. Saya percaya bahawa semangat dan pendekatan kreatif guru saya terhadap kerjanya membangkitkan minat saya terhadap bahasa asing, yang akhirnya menjadi sebahagian daripada profesion saya.


Akan tetapi, banyak tahun lagi mesti berlalu sebelum saya kembali kepada kegiatan menterjemah. Hanya pada tahun 1968, pada tahun ketiga saya di Institut Bahasa-bahasa Timur (kini Institut Pengajian Asia dan Afrika) di Universiti Negara Moscow, selepas menguasai asas-asas bahasa Indonesia, bahasa pilihan saya, saya terpesona dengan puisi “Cintaku Jauh di Pulau” oleh penyair Indonesia Chairil Anwar dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Rusia. Puisi itu pertama kali diterbitkan dalam akhbar dinding institut itu, *Oriental*, kemudian dibaca dua kali (oleh saya dan seorang pelajar lain) dalam pertandingan puisi amatir di Universiti Negara Moscow, dan akhirnya pada tahun 2009, diterbitkan dalam antologi puisi di Moscow. Kini, apabila saya menyertai festival puisi di Indonesia, saya sering membacakan terjemahan ini bersama-sama teks asalnya. Bacaan itu mengejutkan para hadirin kerana saya mendeklamasikannya secara hafalan dan langsung tidak menggunakan teks tulisan.

Fasa penting untuk perkembangan saya sebagai penterjemah berlangsung sekitar tahun 1970 – 1971 apabila saya bersama-sama sekumpulan kecil pelajar Soviet mempelajari Bahasa Melayu di Universiti Malaya. Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia berkait rapat, tetapi bahasa Melayu belum dipelajari di Rusia pada masa itu, dan kamilah pelajar Soviet pertama yang berusaha menguasainya semasa mengikuti kursus di Universiti Malaya.

Sebelum berlepas dari Moscow, kami berjumpa dengan penyair Soviet Mikhail Matusovsky yang meminta kami untuk menyampaikan buku puisinya kepada penyair Malaysia Usman Awang yang beliau temui pada tahun 1968 semasa lawatannya ke Kuala Lumpur. Kami tahu bahawa Usman Awang ialah seorang sasterawan Malaysia yang luar biasa, salah seorang pengasas aliran ASAS 50 yang bergiat di bawah slogan “Seni untuk Masyarakat”, lantas menanti-nantikan peluang untuk berjumpa dengannya.

Kami akhirnya bertemu dengan Usman Awang, dan buku itu diserahkan kepadanya. Kemudian, saya menerima permintaan daripadanya yang tidak disangka, untuk menterjemahkan beberapa puisi Matusovsky ke dalam bahasa Melayu bagi majalah sastera *Dewan Sastera* yang beliau pimpin masa itu. Usaha menterjemah daripada bahasa Indonesia dan Melayu ke dalam bahasa Rusia itu satu hal, tetapi daripada bahasa Rusia ke dalam

bahasa asing ... Ya, permintaan Usman Awang menjadi satu tugas yang mencabar. Tetapi, belum cuba belum tahu! Saya menyerahkan kepadanya setelah siap. Sebelum kami meninggalkan Malaysia, Usman Awang di lapangan terbang memberikan saya dua naskhah majalah yang mengandungi terjemahan puisi Matusovsky dan sedikit honorarium. Kami segera meraikan penerbitan itu dengan honorarium yang diserahkan di kafeteria. Sebaik-baik sahaja saya pulang ke Moscow, saya menyerahkan senaskhah majalah itu kepada Mikhail Matusovsky. Saya memilih tiga puisinya untuk diterjemahkan: “Selamat Tinggal,



Tiga puisi terjemahan Mikhail Matusovsky yang tersiar dalam *Dewan Sastera* Jun 1971.

Merpati”, “Di Puncak Tak Bernama” dan “Hiroshima Tak Boleh Ulangi Lagi”. Sudah tentu saya percaya yang Usman Awang menyunting terjemahan tersebut, tetapi saya tetap menerimanya dengan penuh rasa bangga – inilah terjemahan pertama saya daripada bahasa Rusia kepada bahasa Melayu!

Terjemahan puisi “Hiroshima Tak Boleh Ulangi Lagi” yang kemudian dimurnikan kepada “Hiroshima, Jangan Berulang Lagi” ditakdirkan untuk hidup dalam jangka hayat yang panjang. Saya membacanya pada malam memperingati mangsa Hiroshima di Kuala Lumpur

pada 6 Ogos 1988, kemudian pada Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur 1994 (teksnya kemudian diterbitkan dalam akhbar *Berita Harian*).

Semasa saya bekerja di Kedutaan Besar Soviet di Kuala Lumpur sejak tahun 1987 hingga 1989, kerja saya ditandai dengan pelbagai terjemahan baharu. Pertama, saya menterjemahkan cerpen “Sesudah Perang” oleh penulis Malaysia Anwar Ridwan yang saya kenali pada tahun 1971 di Universiti Malaya apabila beliau masih seorang pelajar. Cerita itu pertama kali diterbitkan pada tahun 1996 dalam antologi *Indonesia Malaysia* oleh Profesor Alexander Ogloblin dari Universiti St. Petersburg dan pernah diulang cetak sekurang-kurangnya lima kali dalam pelbagai penerbitan cetak dan dalam talian. Kedua, bersempena dengan penyertaan penyair perempuan Soviet Bella Akhmadulina dalam Bacaan Puisi Antarabangsa Kuala Lumpur 1988, saya ditugaskan untuk menterjemahkan beberapa puisinya ke dalam bahasa Melayu. Saya memilih sajaknya, “September Lagi” dan “Mantera”.

Dalam satu pertemuan dengan penyair itu di Moscow sebelum beliau berlepas ke Kuala Lumpur, beliau menyetujui pilihan saya dengan mengatakan bahawa “puisi ini antara puisi yang saya baca secara hafal.” Kami bertemu lagi kemudian. Saya gembira bukan sahaja kerana dapat bertemu dengan penyair perempuan terkenal itu, tetapi juga kerana beliau menghadiahkan saya beberapa

buku puisinya dengan tanda tangannya.

Sekitar masa yang sama, saya menterjemahkan beberapa puisi oleh penyair Malaysia, iaitu Kemala, atas permintaan kakitangan editorial majalah *Yunost (Masa Muda)* yang dikunjunginya semasa lawatannya ke USSR. Anehnya, apabila saya membaca terjemahan puisinya, Kemala selalu mengatakan ia kedengaran lebih sedap daripada puisi asalnya dalam bahasa Melayu. Saya faham hal ini sebagai pujiannya, tetapi saya fikir mungkin ada kebenaran dalam penilaian ini: puisi asal ditulis dalam bentuk *verlibre*, manakala saya menterjemahkannya dengan rima dan mungkin merasainya dengan lebih mendalam kerana terjemahan dibuat dalam bahasa ibunda saya.

Terjemahan saya yang seterusnya berkaitan dengan seminar antarabangsa yang diadakan di Universiti Negara Moscow pada tahun 1996, yang dihadiri oleh lebih 50 orang peserta dari luar negara, termasuk Indonesia dan Malaysia. Penyair terkenal Indonesia, Taufiq Ismail, meminta saya menterjemahkan puisinya, “Musim Gugur Telah Turun di Rusia” untuk malam penutup, dan penyair Malaysia, Ahmad Razali, meminta saya menterjemahkan puisinya, “Galina” yang ditulisnya semasa lawatan ke Taman dan Rizab Kolomenskoye, yang diilhamkan oleh seorang pandu pelancong perempuan. Nama sebenar gadis itu ialah Svetlana, tetapi penyair Malaysia itu mungkin mendapati nama Galina lebih puitis.

Terdapat satu kejadian aneh dengan tajuk puisi itu. Seorang pengkritik Malaysia dalam sebuah artikel tentang karya Ahmad Razali itu telah salah faham dan berfikir bahawa “Galina” ialah nama sebuah daerah pinggir bandar di Moscow, meskipun teks puisi itu dengan ketara merujuk nama seorang wanita, bukannya tempat.

Terjemahan yang Lebih Tertumpu

Segala-galanya itu hanya boleh dianggap sebagai ambang pintu pada kerja terjemahan yang sebenar. Kisah sebenar bermula pada tahun 2001, apabila saya datang ke Malaysia untuk mengajar di Universiti Malaya, tempat yang sama saya pernah menjadi pelajar pada tahun 1970 – 1971. Saya bertugas di situ hingga tahun 2016. Seperti tenaga terpendam yang tiba-tiba keluar dalam letusan gunung berapi, semangat saya untuk terjemahan datang meluap daripada jiwa saya, dalam suatu arus deras yang teruja, menawan dan menakluki sepenuh hidup saya.

Saya tidak mahu membosankan pembaca dengan senarai semua karya yang saya capai dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Lebih daripada 20 antologi karya terjemahan prosa dan puisi yang sudah diterbitkan. Antara penulis yang karyanya saya terjemahkan ke dalam bahasa Rusia ialah penulis dan penyair terkemuka (sekadar menyebut beberapa nama) dari Malaysia, termasuk Usman Awang; Kemala; Anwar Ridhwan; Baha Zain; A.

Karyawan Bulan Ini



Bersama-sama dengan Sasterawan Negara Usman Awang serta keluarganya.




Menonton teater adaptasi novel *Haji Murat* di DBP pada tahun 2024.

Samad Said; Muhammad Haji Salleh; Zurinah Hassan; Siti Zainon Ismail; Latiff Mohidin; Kassim Ahmad; Sutung Umar RS; Hashim Yaacob; A. Aziz Deraman; A. Ghafar Ibrahim; Rahimudin Zahari; Marsli N.O; Irwan Abu Bakar; Hasimah Harun; Khalid Salleh; Awang Abdullah; Firdaus Abdullah; Ahmad Razali; Raja Ahmad Aminullah; Dinsman; serta Indonesia, termasuk Chairil Anwar; Taufiq Ismail; Sutardji Calzoum Bachri; Sapardi Djoko Damono; Tariganu; Evi Idawati; Lesik Kati Ara; Danullah Rayes; Diah Hadaning; A. Slamet Widodo; Syarifuddin Arifin; Sastri Bakri; Tan Lioe Ie; Dimas Arika Mihardja; Anwar Putra Bayu; Joko Pinurbo; Eddy Pramduane; Deknong Kemalawati; dan Sosiawan Leak.

Saya juga menterjemahkan novel *Naratif Ogonshoto* Anwar Ridhwan (2006) yang ternyata sangat popular dalam kalangan pembaca Rusia, antologi cerpen *Darah Melayu* (2011, cerpen oleh Anwar Ridhwan, Rahman Haji Yusof, Irwan Abu Bakar, Abdul Rahman Che Mat, dan Rahimudin Zahari) dan antologi cerpen *Perempuan yang Jatuh dari Langat* (2019, cerpen oleh Anwar Ridwan, S.M. Zakir dan Ruhaini Matdarin). Terjemahan *Cerita-cerita Rakyat Malaysia* (2006) yang saya usahakan ternyata sangat kena pada hati anak-anak Rusia. Seorang bapa menulis kepada saya, bahawa anak lelakinya begitu teruja dengan cerita-cerita rakyat Malaysia sehingga menolak untuk pergi tidur sekiranya bapanya tidak membaca sebuah cerita daripada buku itu terlebih dahulu.

Namun, sudah tentu saya amat berbangga dengan terjemahan karya klasik Rusia saya ke dalam bahasa Melayu, terutamanya novel Leo Tolstoy, *Haji Murat* (DBP, 2001, 2006 dan 2023) dan antologi kesusasteraan Rusia berbahasa Melayu *Mawar Emas* (ITBM, 2009) yang dinamakan sempena



Bersama-sama dengan Rahimudin Zahari.



Bersama-sama dengan Sasterawan Negara Kemala.




Bersama-sama dengan Sasterawan Negara A. Samad Said.

cerpen Konstantin Paustovsky yang disertakan di dalamnya. Antologi ini menampilkan contoh-contoh cerita rakyat Rusia, petikan daripada epik tentang Sadko dan *Hikayat Tentera Igor* serta karya oleh 37 penulis prosa dan penyair penting Rusia, termasuk Alexander Pushkin, dan Anton Chekhov, Joseph Brodsky, dan Viktoriya Tokareva. A. Samad Said memuji penerbitan antologi tersebut dengan menyatakan dalam prakatanya bahawa “rasanya inilah pertama kali kita dapat membaca dan menikmati sejumlah besar karya terpenting dan terpilih Rusia yang dihidangkan secara terbimbing dan berurusan”.

Tentu saya sangat berterima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang terus menerbitkan karya klasik Rusia dalam terjemahan saya. Hanya selama tiga tahun lepas saja, DBP sudah menerbitkan novel *Taras Bulba* oleh Nikolai Gogol, *Wira Zaman Kita* oleh Mikhail Lermontov dan kumpulan cerpen *Perempuan dengan Anjing* oleh Anton Chekhov. Hal ini akan disusuli dengan novel *Puteri Seorang Kapten* dan *Dongengan* oleh Alexander Pushkin, novel *Estet Seorang Bangsawan* oleh Ivan Turgenev dan kumpulan cerpen *Mawar Berwarna Merah Jambu* oleh Viktoriya Tokareva.

Dalam sebuah novel cereka sains nukilan penulis Amerika Ursula K. Le Guin, sebuah suku bangsa makhluk di luar Bumi menganggap penterjemah sebagai Dewa kerana dialah yang membuat sesuatu yang tidak difahami sebagai sesuatu yang boleh difahami. Penyair Agung Rusia Pushkin membandingkan seorang penterjemah dengan kuda yang diganti-gantikan di stesen-stesen peradaban. Begitu tingginya penilaian mereka terhadap penterjemah sehingga mereka yang melakukan kerja ini dianggap sebagai pengantara mustahak dalam dialog peradaban. Tidak syak lagi bahawa memperkenalkan orang yang berbeza bahasa dan budaya melalui terjemahan sastera membantu mengukuhkan persefahaman bersama dan ikatan persahabatan antara pelbagai bangsa. Saya berharap yang sumbangan kecil saya sebagai penterjemah dapat menyumbang dengan sedikit sebanyak terhadap tujuan yang mulia itu. ■



Lima Pilihan Victor A. Pogadaev

1 Petikan teks pilihan (puisi):

*Layar memutih kesepian
Di kabus lautan biru!
Apa ditinggalkan di rantau sendiri?
Apa dicari di rantau baharu?*

*Angin kencang, gelombang mengamuk,
Tiang berciut dan bergoyang ...
Amboi! Bukan tuah dicari,
Bukan tuah ditinggalkan di kampung sayang!*

*Di atasnya langit lazuardi,
Dari mentari yang menyinar ...
Dia pemberontak dan mencari
Badai, bukan kesunyian!*

(Mikhail Lermontov, “Layar”)

2 Petikan teks pilihan (bukan fiksiyen):

Puisi harus ditulis sedemikian rupa sehingga jika kamu melemparkan puisi ke arah tingkap, kacanya akan pecah.

(Daniil Kharms, *Catatan Nota, Diari dan Warkah*)

3 Buku fiksiyen pilihan sepanjang zaman:

Si Tolol (1869) oleh Fyodor Dostoevsky dan *Putera Kecil* (1943) oleh Antoine de Saint-Exupéry

4 Buku bukan fiksiyen pilihan sepanjang zaman:

Struktur Teks Fiksiyen (1970) oleh Juri Lotman

5 Kini, Victor Pogadaev sedang membaca

Yang Nakal-nakal (2013) oleh Usman Awang dan *Sebatang Pohon Tua* (2022) oleh Wanrazuhar.

**Syukurlah Kita
Berkenalan**
(kepada Kemala)

*Syukurlah kita berkenalan
Bersua di jalur hidup
Dan sering kali waktu malam
Diskusi kita meletup*

*Syukurlah kita berteman
Terbang bersama bak burung
Menuju tujuan awangan
Di atas kemuncak gunung*

*Syukurlah kita tak berpisah
Engkau bagiku ilham
Dan susah kiranya berkisah
Mengapa kita sefahaman*

*Syukurlah kita berkenalan
Jantung serasi berdegup
Persahabatan berkekalan
Hidup puisimu, hidup!*

**Aroma Kopi
yang Kugemari**

*Kumenjadi titik embun
Dan terbang langsung ke mentari
Pulang bak air mata hujan
Di jendela menari-nari.*

*Bak pelangi kunaik ke langit
Dengan sayap angin ke mari
Kurahsiakan cuma satu hal
Aroma kopi yang kugemari.*

*Lupakan diri dalam bakar nafsu
Mencair dalam letupan dansa
Dan bangkit kembali di tengah api
Hidup itu kaya dengan nuansa.*

*Kupasrah pada nasibku lagi
Nasib baik ataupun malang
Deburan ombak dan ribut pagi
Akan tunjukkan haluan jalan.*

*Syurgaku seperti maya aneh
Bak musim bunga yang tiba kembali
Kurahsiakan cuma satu hal
Aroma kopi yang kugemari.*